

# SPRM digesa siasat dakwaan

→ Bangunan enam tingkat, gerai buah dibina tanpa pengetahuan PTGWP

Oleh Nor Azizah Mokhtar  
cnews@NSTP.com.my

Putrajaya

Wakil Kementerian Wilayah dan Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PTGWP) semalam, membuat aduan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung dakwaan penyelewengan serta salah guna kuasa, membabitkan dua lot tanah milik kerajaan di Medan Imbi, Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Laporan itu dibuat oleh empat wakil daripada kementerian dan PTGWP.

Kementerian diwakili Pegawai Tugas-Tugas Khas II Menteri Wilayah, Zulhasmi Shariff; Setiausaha Sulit Kanan Menteri Wilayah, Zulkefli Mohd Nani dan Setiausaha Politik Menteri Wilayah, Azli Yusof.

Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan pula diwakili Pengarahnya, Sharez Izuan Md Zaidi.

## Pendedahan Khalid

Zulhasmi berkata, laporan kepada SPRM itu susulan pendekahan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad berhubung penyelewengan itu.

“Menerusi laporan ini, kita berharap SPRM akan mengam-



Dari kiri; Sharez Izuan, Azli, Zulhasmi dan Zulkefli membuat laporan di Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya, semalam.

bil tindakan sewajarnya dengan menjalankan siasatan, berhubung penyelewengan dan salah guna kuasa yang berlaku.

“Kita juga akan serahkan beberapa dokumen berkaitan kepada pihak SPRM untuk diteliti,” katanya.

Sementara itu, Sharez Izuan ketika ditanya mengapa baru sekarang perkara itu didedahkan kepada umum, beliau berkata, pihaknya tidak sedar tanah itu dibangunkan tanpa pengetahuan PTGWP.

“Kita tidak ‘aware’ (sedar) tentang perkara itu, kerana sebelum ini ia tanah lapang,” katanya.

Pada 16 Januari lalu, Khalid dalam satu sidang media mendakwa penyelewengan membabitkan tanah di Lot 568 milik Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan serta Lot 716 milik Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan, di

bawah seliaan Ketua Setiausaha Negara yang diurus tadbir oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

## Lot taman permainan

Katanya, dua lot tanah seluas 0.14 hektar (16,000 kaki persegi) itu pada asalnya ialah taman permainan dan kawasan lapang yang dipenuhi pokok, tetapi kini digantikan dengan sebuah bangunan pejabat enam tingkat serta gerai buah-buahan.

Khalid berkata, kedua-dua lot tanah itu dimajukan sebuah syarikat yang sama dan ia menimbulkan persoalan, bagaimana syarikat itu boleh membangunkan tanah milik kerajaan.

“Berdasarkan siasatan dalaman yang dilakukan unit integriti kementerian, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dipercayai berlaku sejak Mac 2015 lagi.

“Dua lot tanah itu dianggap bernilai hampir RM20 juta dan syarikat terbabit tidak membayar satu sen pun kepada kerajaan.

“Mereka juga kutip sewa daripada peniaga tanpa sebarang pulangan kepada DBKL,” kata-

nya. Beliau berkata, syarikat itu sebelum dikatakan pernah membuat permohonan menyewa tanah terbabit, tetapi tidak diberi kebenaran.

Katanya, persoalan juga timbul bagaimana pindaan kebenaran merancang mahupun kelulusan pembinaan bangunan boleh dikeluarkan, sedangkan tanah itu bukan milik syarikat terbabit.

Difahamkan, notis mengosongkan tanah itu sebelum 10 Januari lalu sudah dikeluarkan kepada syarikat terbabit bagaimanapun, aktiviti di situ masih berjalan seperti biasa.